



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
(Bagi Minggu 15/2015 dari 12 hingga 18 April 2015)**

Pada minggu ke 15 tahun 2015, iaitu dari 12 sehingga 18 April 2015, sejumlah 1,370 kes demam denggi telah dilaporkan diseluruh negara berbanding 1,557 kes pada minggu sebelumnya. Kumulatif kes denggi yang dilaporkan dari Januari hingga 18 April 2015 adalah 37,071 kes, berbanding hanya 27,562 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014, peningkatan sebanyak 34.5% (9,509 kes). Manakala sebanyak 117 kematian, berbanding 64 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014, meningkat sebanyak 53 kematian (82.8%).

Melalui pemantauan KKM bagi tempoh yang sama, sejumlah 531 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di seluruh negara iaitu 385 lokaliti di Selangor, 59 lokaliti di Perak, 25 lokaliti di Johor, 18 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 13 lokaliti di Sarawak, lapan (8) lokaliti di Negeri Sembilan, tujuh (7) lokaliti di Pulau Pinang, enam (6) lokaliti di Pahang dan lima (5) lokaliti di Melaka serta Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak terdapat 96 lokaliti yang aktif iaitu di 72 lokaliti di Selangor, 21 lokaliti di Perak, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang dan satu (1) lokaliti di Sarawak.

Tren penurunan kes denggi untuk tempoh 9 minggu kebelakangan ini adalah merupakan hasil usaha bersepadu daripada semua pihak. Sehubungan itu, bagi mengekalkan tren penurunan ini, usaha-usaha untuk mencegah kejadian kes denggi perlu dilipat gandakan lagi. Agensi kerajaan

dan Kementerian perlu bekerjasama dengan masyarakat dalam menangani masalah denggi. Aktiviti gotong royong dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat juga perlu di teruskan dan bukan hanya berkala bagi mengekalkan tren penurunan ini.

Bagi mengesan kes denggi lebih awal, Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan agar setiap individu yang mengalami simptom demam, sakit badan, sakit sendi, muntah atau sakit kepala untuk segera mendapatkan rawatan di klinik-klinik berhampiran. Ini kerana rawatan awal akan dapat mencegah komplikasi akibat denggi dan juga mengelakkan daripada berlaku kematian.

KKM juga menyarankan agar pihak masyarakat melakukan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk setiap minggu bagi memutuskan kitaran hidup nyamuk Aedes. Untuk mengelak daripada gigitan nyamuk Aedes, gunakanlah bahan penghindar nyamuk (repelan) serta memakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang. Memasang jaring pada tingkap juga akan dapat mencegah nyamuk daripada memasuki rumah. Selain itu, elakkan daripada melawat atau pergi ke kawasan berisiko tinggi seperti kawasan wabak dan hotspot untuk mencegah daripada mendapat jangkitan denggi. Masyarakat boleh mengunjungi laman web [http:// idengue. remotesensing. gov. my/ idengue/ index.php](http://idengue.remotesensing.gov.my/idengue/index.php) untuk mengetahui maklumat terkini berkenaan kes denggi dan lokaliti wabak di kawasan anda.


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengerah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

22 APRIL 2015

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2015
(12 hingga 18 April 2015)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2014
		Minggu 15 (5 – 11 April 2015)	Minggu 14 (5 – 11 April 2015)		
1	Perlis	2	2	101 (1)	58
2	Kedah	16	10	290 (1)	207 (2)
3	P. Pinang	54	48	1,557 (5)	602 (3)
4	Perak	155	149	4,064 (10)	1,914 (5)
5	Selangor	738 (3)	912 (3)	21,724 (61)	15,535 (26)
6	WP KL & Putrajaya	123	120	2,106 (13)	2,409 (4)
7	N. Sembilan	33	39 (1)	589 (6)	1,414 (2)
8	Melaka	19	30	581 (2)	879 (3)
9	Johor	105	120	2,105 (4)	1,662 (12)
10	Pahang	38 (1)	27	881 (3)	354
11	Terengganu	8	6 (1)	427 (2)	260 (1)
12	Kelantan	16	7	571 (3)	1,542 (4)
13	Sarawak	34	51	905 (2)	346 (2)
14	Sabah	29	36	1,169 (4)	370
15	WP Labuan	0	0	1	10
	MALAYSIA	1,370 (4)	1,557 (5)	37,071 (117)	27,562 (64)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 18 APRIL 2015 (Mg 15)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	279	242
2	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	186	195
3	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	148	173
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Teres C : U2/15 - 28)	80	165
5	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	73	163
6	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	74	149
7	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	63	145
8	SELANGOR	Petaling	Ss 18/4	41	141
9	PERAK	Kinta	Kg Sg Tapah Tambahan	69	139
10	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	78	135
11	PERAK	Kinta	Bandar Lahat Baru	49	129
12	PERAK	Kinta	Tmn Bersatu	28	127
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	143	127
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	76	126
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	22	120
16	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	32	118
17	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	58	111
18	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana	30	110
19	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 14 Teres A : Jln 14/1 - Jln 14/28	43	107
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 2	41	107
21	PERAK	Kinta	Rumah Pangsa Sri Kepayang	36	106
22	PERAK	Kinta	Tmn Pertama	31	105
23	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	51	105

24	SELANGOR	Petaling	Ss 14/1	25	99
25	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Gmi Bangi	46	97
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok A - G)	25	97
27	PERAK	Kinta	Tmn Meru Jaya	39	97
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	24	96
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	91	94
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	54	93
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy B : Blok 3 - 8)	25	93
32	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 14 Teres B : Jln 14/29 - Jln 14/49	30	90
33	SELANGOR	Gombak	Appt Desa 1	65	88
34	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bangi Indah	27	88
35	PERAK	Kinta	Kg Bercham	27	87
36	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	25	85
37	SELANGOR	Sepang	The Arc Condo	21	84
38	PERAK	Kinta	Kg Manjoi	26	82
39	SELANGOR	Sepang	Taman Seroja	18	81
40	SELANGOR	Petaling	Kt Pju 1a Vista Subang	31	80
41	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Home Fasa 1	26	78
42	SELANGOR	Gombak	Tmn Wangsa Permai	20	76
43	SELANGOR	Petaling	Kt Seksyen 20 Teres A	14	75
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5)	27	72
45	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 5 (Jln Anggerik)	14	72
46	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	36	68
47	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Goodyear Court 9)	23	66
48	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Kaw Perindustrian B : Jln 15/7 - 15/16, Jln 15/20 - 21)	15	62
49	SELANGOR	Petaling	Ss 17/2	11	61
50	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Bakau	14	60
51	P PINANG	Barat Daya	Flat Sri Bayu	10	59
52	SELANGOR	Petaling	Usj 18	11	58
53	P PINANG	Barat Daya	Bandar Baru Teluk Kumbar	19	57

54	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 1 Apt Tmn Petaling Utama (Blok A - D : Jln Pjs 1/52)	12	57
55	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/4 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	9	55
56	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Tasek	16	54
57	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	12	54
58	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy A : Blok 1 - 2)	9	54
59	SELANGOR	Petaling	Ss 17/3	16	54
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 23 (Teres A : Jln 23/6 - 23/12)	6	54
61	PERAK	Kinta	Tmn Tasek Jaya	14	51
62	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Pelangi : Jln U5/122 - U5/136c & Jln U5/Ak, Aj, Ah & Ag)	15	50
63	SELANGOR	Petaling	Usj 16	10	50
64	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19)	10	48
65	PERAK	Kinta	Kg Simee	9	46
66	SELANGOR	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	6	45
67	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/2 - 17/15)	16	45
68	SELANGOR	Petaling	Ss 19/1	7	45
69	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/1 & Sebahagian 4/2-4/4)	13	45
70	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Taman Subang Baru)	8	45
71	PERAK	Kinta	Tmn Kin Mee	9	43
72	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Sunway Alam Suria Teres C : Jln U10/43 - U10/50)	9	42
73	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 49-69 Taman Bukit Mewah	11	40
74	SELANGOR	Petaling	Usj 11/3	6	40
75	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Pkns Bangi Lama	7	39
76	PERAK	Kinta	Tmn Tasek Damai	8	38
77	PERAK	Kinta	Tmn Sri Desa	8	37
78	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	6	37
79	SELANGOR	Petaling	Ss 15/5 (Teres)	5	37
80	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Silibin	12	36

81	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cheras Jaya	15	36
82	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	5	36
83	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Cova Villa	9	35
84	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Mutiara Subang Kaw Perindustrian B : Jln U5/10, Jln U5/19 - U5/30)	4	34
85	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Bandar (Sri Anggerik Blok A,B,C,D)	6	34
86	PERAK	Kinta	Anjung Tawas Damai	7	33
87	PERAK	Kinta	Tmn Malcop	5	33
88	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra Sek 1 (Jln Pp53 - Pp58)	5	33
89	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Pangsapuri Jati 2)	8	33
90	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Penjara Kajang	11	32
91	SELANGOR	Petaling	Seksyen 4 (Teres B : Jln 4/4 - 4/7)	6	32
92	SARAWAK	Sibu	Upper Tong Sang	8	32
93	PERAK	Kinta	Kg Baru Kanthan	5	32
94	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sri Putra 1 Bandar Sri Putra	6	31
95	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres A : Jln Brp 1/1 - Brp 1/13)	6	31
96	SELANGOR	Gombak	Appt Bkt Rawang Putra	6	31